



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : MPC.EUERA/22/06/01
Tarikh : 10 Jun 2022

Dr. Suriati Zainal Abidin
Seksyen Peningkatan Bakat
Perbadanan Produktiviti Malaysia,
Jalan Sultan, Pjs 52,
46200 Petaling Jaya,
Selangor

YBrs. Dr,

PENEMPATAN PEMBANTU PENYELIDIK PROJEK *MEASURES AND STRATEGIES TO INCREASE LABOUR COMPENSATION* DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAKAT, PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA.

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pusat Penyelidikan Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS (EU-ERA) bersetuju menempatkan **Encik Amer Karlif Suhaimi** sebagai Pembantu Penyelidik bertempat di **Bahagian Pembangunan Bakat, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).**

3. Penempatan pembantu penyelidik ini dibuat bertujuan membantu pihak MPC melicinkan urusan pentadbiran dan gerak kerja projek ***Measures and strategies to increase labour compensation***. Sepanjang tempoh penempatan ini, gaji dan elaun akan dibayar oleh pihak EU-ERA. Bersama-sama ini dilampirkan *Curriculum Vitae (CV)* Encik Amer Karlif untuk rujukan Puan pada **Lampiran 1.**

4. Tugas utama pembantu penyelidik ini adalah untuk membantu melaksanakan kajian dan merekodkan dokumen-dokumen berkaitan projek ***Measures and strategies to increase labour compensation***. Tugas pembantu penyelidik ini tidak terhad kepada projek ini semata-mata dan beliau juga boleh membantu dalam projek kajian lain yang melibatkan MPC.

5. Sepanjang penempatan ini, pihak MPC perlu menyediakan ruang kerja bagi kemudahan pembantu penyelidik ini.

4. Dengan ini, besar harapan kami supaya Puan dapat bekerjasama dan memberi tunjuk ajar bagi memastikan tugas yang diberikan dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA DR MOHD YUSOF BIN SAARI
Ketua Ekonomi
Pusat Penyelidikan Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS (EU-ERA)
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Mengenai EU-ERA

Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS (EU-ERA) merupakan sebuah pusat penyelidikan kolaboratif antara Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Universiti Putra Malaysia Consultancy & Services (UPMCS) yang memberi tumpuan kepada analisis kajian pasaran buruh di Malaysia.

Misi

Misi EU-ERA ialah untuk menggabungkan pendekatan saintifik dan empirikal bagi merangka dasar pembangunan pasaran buruh yang meliputi penawaran buruh, permintaan buruh dan pasaran pekerjaan. Fokus penyelidikan pusat kajian ini terarah kepada unjuran dan pemodelan, analisis dasar gunaan, pembangunan kapasiti dan program latihan berstruktur dan penerbitan saintifik.

Kepakaran Kami

Econometrics
Input-Output
Social Accounting Matrix
Computable General Equilibrium
System Dynamics
Data Envelopment Analysis

Hubungi Kami

☎ +603 80915485
🌐 www.euera.org
✉ euera.centre@gmail.com
🏢 Centre for Future Labour Market Studies
🏢 Centre for Future Labour Market Studies
📧 @euera.centre